MARIE SUBRAMANIAM A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
SAMSUDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S-26-2012]
18 FEBRUARI 2013

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Intipati kandungan - Rayuan - Tertuduh dituduh melakukan percubaan membunuh - Kanun Keseksaan, s. 307 - Sama ada intipati dalam pertuduhan lengkap - Sama ada actus reus sahaja cukup untuk membuktikan pertuduhan - Sama ada pertuduhan mencerminkan niat tertuduh untuk membunuh - Sama ada tertuduh diprejudis - Sama ada kecacatan boleh diperbetulkan oleh ss. 156 dan 422 Kanun Tatacara Jenayah* C D

Di Mahkamah Sesyen, perayu telah, pada asalnya, dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan di bawah s. 307 Kanun Keseksaan ('pertuduhan pertama') dan s. 186 Kanun Keseksaan ('pertuduhan kedua') serta satu pertuduhan di bawah s. 6 Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 ('pertuduhan ketiga'). Perayu dilepaskan daripada pertuduhan pindaan kedua tetapi didapati bersalah bagi pertuduhan pertama dan ketiga dan dijatuhkan hukuman penjara empat tahun dan enam bulan, masing-masing. Dalam rayuan ini, perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman di bawah pertuduhan pindaan pertama di mana dia telah dituduh 'melakukan percubaan membunuh semasa memandu motokar Nissan Sentra No Pendaftaran JKD 9093 dan cuba melanggar anggota 153107, di mana kesalahan tersebut boleh menyebabkan kematian'. E F G

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan hukuman dan sabitan mahkamah bawahan):

(1) Pertuduhan tersebut tidak mempunyai *mens rea* iaitu panduan kereta JKD 9093 ('kereta tersebut') dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107 ('Konstabel tersebut') ataupun panduan kereta tersebut dilakukan dengan berpengetahuan ianya berkemungkinan akan menyebabkan kematian atas Konstabel tersebut. *Actus reus* sahaja tidak mencukupi untuk menjadikannya kesalahan tanpa niat bersalah. Peruntukan yang tidak mencerminkan kedua-dua H I

A *actus reus* dan *mens rea* adalah cacat atau tidak lengkap serta boleh menyebabkan kekeliruan pemahaman peruntukan s. 307 Kanun Keseksaan kerana tidak menzahirkan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang. (perenggan 15 & 17)

B

(2) Fakta untuk membuktikan kesalahan memandu adalah amat berbeza dengan kesalahan cubaan membunuh. *Mens rea* bagi pertuduhan kesalahan memandu ialah sama ada *recklessness* atau *negligence* tetapi bagi pertuduhan kesalahan cubaan membunuh
C pula ianya ialah *intention* ataupun *knowledge*. Oleh itu, pertuduhan terhadap perayu jelas bertindih dan salah serta tidak tepat kerana bercanggah dengan peruntukan s. 163 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). (perenggan 17)

D **(3)** Pertuduhan di bawah s. 307 Kanun Keseksaan tersebut sepatutnya berbunyi 'perlakuan memandu oleh perayu itu dibuat dengan niat akan menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107' dan bukannya kesalahan memandu tersebut memungkinkan kematian kerana itu adalah kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Akibat daripada pertuduhan
E yang tidak lengkap, perayu pasti keliru dan tidak tahu apa kesalahan yang telah dilakukannya. Dalam keadaan sedemikian, perayu telah diprejudiskan dalam penyediaan pembelaan dirinya terhadap dakwaan pertuduhan tersebut. Kepincangan dalam kes ini menimbulkan ketidakadilan yang tidak boleh dibantu
F atau diperbetulkan oleh ss. 156 dan 422 KTJ. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:
Jagar Singh v. PP [1936] 1 LNS 25 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamad Sabu [2012] 5 CLJ 246 HC ***(diikuti)***
G *R v. Wheatman [1780] 1 Doug 345* ***(dirujuk)***
Shawal Hj Mohd Yassin v. PP [2006] 6 CLJ 392 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Corrosive and Explosive Substances and Offensive Weapons Act 1958, s. 6
H Criminal Procedure Code, ss. 156, 163, 422
Federal Constitution, art. 7(1)
Penal Code, ss. 34, 186, 307

Bagi pihak perayu - Freeda Sabapathy; T/n Freeda Sabapathy & Co
Bagi pihak responden - Rahimah Abd Majid; TPR

I

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Perayu pada mulanya telah dikenakan dengan tiga pertuduhan. Pertuduhan pertama di bawah s. 307 Kanun Keseksaan. Pertuduhan kedua adalah di bawah s. 186 Kanun Keseksaan. Pertuduhan ketiga adalah di bawah s. 6 Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958. Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, perayu pertama telah dituduh bersama dengan OKT2 dan OKT3 yang dibaca bersekali s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah dibicarakan untuk ketiga-tiga pertuduhan. Manakala OKT2 dan OKT3 mengaku bersalah dan telah dijatuhkan hukuman.

[3] Pada 16 Disember 2011 perayu telah didapati bersalah di atas pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan ketiga. Bagi pertuduhan pindaan pertama, perayu telah dikenakan hukuman penjara empat tahun dari tarikh jatuh hukum, manakala bagi pertuduhan pindaan ketiga perayu telah dikenakan hukuman penjara enam bulan dari tarikh jatuh hukum. Walau bagaimanapun perayu telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan pindaan kedua.

[4] Pada tarikh perbicaraan rayuan, perayu memutuskan untuk menarik balik rayuan terhadap sabitan di bawah pertuduhan pindaan ketiga dan hanya ingin meneruskan rayuan terhadap sabitan dan hukuman di bawah pertuduhan pindaan pertama sahaja.

[5] Pertuduhan pindaan pertama yang dikemukakan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> **Pertuduhan**
>
> Bahawa kamu pada 04.01.2011, jam lebih kurang 3.30 pagi, di Lorong 1, Jalan Sundang 1, Taman Sri Tebrau, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, telah melakukan percubaan membunuh semasa memandu motokar Nissan Sentra No. Pendaftaran JKD 9093 dan cuba melanggar anggota 153107, di mana kesalahan tersebut boleh menyebabkan kematian. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

A **Dapatan Mahkamah Berhubung Rayuan Kes Ini**

[6] Di sini mahkamah merujuk kepada alasan-alasan 7(i) hingga 7(xx) dalam petisyen rayuan bersekali.

B **[7]** Kita semua sedia maklum prinsip am undang-undang jenayah ialah seseorang tidak boleh disabitkan dengan kesalahan melainkan pihak pendakwaan berjaya membuktikan ke tahap melepasi keraguan munasabah kedua-dua elemen atau intipati-intipati berikut:

C (a) that he has caused a certain event which is forbidden by criminal law (*actus reus*), and

(b) that he had a defined state of mind in relation to the causing of the event (*mens rea*).

D **[8]** Prinsip ini dalam bahasa Latinnya diungkap "*actus non facit reum nisi mens sit rea*" bermaksud perlakuan atau perbuatan sahaja tidak menjadikan seseorang itu bersalah melainkan mindanya turut bersalah.

E **[9]** Lalu s. 307 Kanun Keseksaan dirujuk dan ianya memperuntukkan seperti berikut:

(1) Whoever does any act with such intention or knowledge and under such circumstances, that if he by that act caused death he would be guilty of murder, shall be punished with
F imprisonment for a term which may extend to ten years; and shall also be liable to fine; and if hurt is caused to any person by such act, the offender shall be liable to imprisonment for a term which may extend to twenty years.

G **[10]** Contoh pertuduhan pula adalah sepertimana dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crime* 23rd edn., yang dipetik di bawah berikut:

That you, on or about the ... day of ... , at ..., did an act, ..., with such intention (or knowledge) and under such circumstances,
H that if by that act you had caused the death of AB, you would have been guilty of murder (and that you caused hurt to the said AB by the said act), and thereby committed an offence punishable under Section 307 of the Indian Penal Code, and within the cognizance of the Court of Session.

I

[11] Mengikut *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crime* 23rd edn., terdapat tiga elemen atau intipati-intipati penting yang perlu dibuktikan dan ianya adalah:

(i) that the death of human being was attempted.

(ii) that such death was attempted to be caused by, or in consequence of, the act of the accused.

(iii) that such act was done with the intention of causing death; or that it was done with the intention of causing such bodily injury as (a) the accused knew to be likely to cause death; or (b) was sufficient in the ordinary course of nature to cause death; or that the accused attempted to cause such death by doing an act known to him to be so imminently dangerous that it must in all probability cause (a) death, or (b) such bodily injury as is likely to cause death, the accused having no excuse for incurring the risk of causing such death or injury.

[12] Dalam kes kita ini "*the actus reus*" ialah:

(i) Percubaan membunuh Konstabel 153107; dan

(ii) Percubaan membunuh itu dilakukan dengan panduan kereta JKD 9093.

[13] Mengenai "*mens rea*" pula ialah:

(i) Panduan kereta JKD 9093 itu dilakukan dengan niat menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107; atau

(ii) Panduan kereta JKD 9093 itu dilakukan dengan berpengetahuan ianya berkemungkinan akan menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107.

[14] Dirujuk semula kepada pernyataan di dalam pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 4.1.2011, jam lebih kurang 3.30 pagi, di Lorong 1, Jalan Sundang 1, Taman Sri Tebrau, di dalam Daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor, telah melakukan percubaan membunuh semasa memandu motokar Nissan Sentra No. Pendaftaran JKD 9093 dan cuba melanggar anggota 153107, di mana kesalahan tersebut boleh menyebabkan kematian. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan.

[15] Di sini setelah dibandingkan adalah diperhatikan perayu dikenakan pertuduhan melakukan "*actus reus*" iaitu "semasa memandu motokar" ... dan ... "cuba melanggar anggota 153107". Namun begitu pertuduhan tersebut tidak mempunyai elemen "*mens rea*" iaitu panduan kereta JKD 9093 dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107 ataupun panduan kereta JKD 9093 itu dilakukan dengan berpengetahuan ianya berkemungkinan akan menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107. Sepertimana yang telah dinyatakan pada awal-awalnya lagi "*actus reus*" sahaja tidak mencukupi untuk menjadikannya kesalahan tanpa niat bersalah. Berhubung isu ini ada disentuh di dalam keputusan kes *PP v. Mohamad Sabu* [2012] 5 CLJ 246; [2012] 7 MLJ 547 di ruangan "Held"nya seperti di bawah berikut:

> (i) Section 186 required *mens rea* of the accused to be established before the Respondent can be found guilty of an offence under the section. The section requires that obstruction must be voluntarily made. This involves the element of *mens rea* or mental element. Further, the use of the word or expression 'intended or knew or had reason to believe' in the definition of voluntarily' in section 39 of the Code, indicates beyond doubt the requirement of *mens rea* in an offence under section 186.
>
> (ii) There was clearly a failure to incorporate the *mens rea* that the respondent voluntarily obstructed a public servant and also an obvious omission of the expression "in the discharge of his public functions" which form two essential ingredients of the offence. As these are essential ingredients of the offence under section 186, omission to state those ingredients in the charge was therefore fundamentally defective and the effect was not curable under section 422 of the Criminal Procedure Code.

[16] Secara terperincinya di petikan di bawah berikut pernyataan Hakim Zamani A Rahim di dalam kes yang sama mengenai implikasi-implikasi akibat kegagalan memasukkan elemen '*mens rea*' dan '*actus reus*' di dalam sesuatu pertuduhan:

> (20) Coming back to the charge in this case, failure to incorporate the word 'voluntarily' in the charge which denotes the *mens rea* or mental element of the offence, the charge is therefore substantially defective because no offence has been disclosed under Section 186.

(21) The importance of incorporating an expression or similar phrase involving *mens rea* or mental element which is an essential ingredient of the offence may be illustrated in *Aw Yong Kee Chuan v. Pendakwa Raya* [1992] 1 CLJ (Rep) 398 where it was held the element of knowledge or reasonable belief must be stated in the charge as it was essential ingredient of the offence. Without knowledge or belief, no offence is disclosed or the offence is not complete. In his opening judgement at p. 399 Abdul Aziz Mohammad J said:

> Terlebih dahulu saya perlu menegur bahawa pertuduhan pilihan terhadap perayu iaitu pertuduhan di bawah mana dia disabitkan, tidak menyebut satu unsur penting bagi kesalahan di bawah Seksyen 411 Kanun Keseksaan iaitu unsur mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai barang yang berkenaan itu barang curi. Majistret-Majistret hendaklah mengambil berat memastikan sesuatu pertuduhan itu menyebut setiap unsur (ingredient) bagi sesuatu kesalahan oleh kerana, jika mana-mana unsur tidak disebut, pertuduhan itu akan gagal memperlihatkan kesalahan.

(22) This part of the judgment is fortified by my earlier decision in *Basri Md. Desa v. Public Prosecutor* [2011] 1 CLJ 884. Based on the authority of *Takrip dan Sembilan Belas Orang Yang Lain v. Pejabat Imigresen Negeri Melaka* [2004] MLJU 359; [2004] 1 LNS 305, and inclusion *mens rea* under Section 56(1)(d) of the Immigration Act, namely, 'knew or had reasonable grounds for believing' in the charges are of fundamental importance. Omission to state the *mens rea*, the charges are wholly defective and liable to be dismissed.

(23) In Basri Md Desa, I had occasion to refer to an offence of retaining stolen property under section 411 of the Penal Code in the *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crime* at para 38 under the heading 'charge' which requires the offence under Section 411 to set forth in the charge the *mens rea* that 'the accused' knew or had reason to believe that the property he received was stolen property. The incorporation of the *mens rea* is further illustrated in a specimen charge which I have produced in *Basri Md Desa*'s case.

(24) The second ingredient of the offence under section 186 reads 'such obstruction must be in the discharge of public functions of such public servant'. This expression is also not mention or missing from the charge. The relevant part of the charge states, *inter alia*, '... Dalam melaksanakan waran tangkap

terhadap kamu yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Jalan Duta, Kuala Lumpur rujuk 239-07, yang mana pegawai polis itu (ie, Supt Mohd Nasir bin Salleh) adalah sebagai penjawat awam yang diberi kuasa menyampaikan waran tangkap itu terhadap kamu seperti yang diperuntukkan kuasa di bawah Seksyen 40(1) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 953)'. The charge says that the Supt. Mohd Nasri Bin Salleh, a public servant was conferred with the power to serve (should read 'execute') the warrant of arrest No. 239-07 issued by the Magistrate's Court, Jalan Duta, Kuala Lumpur on the respondent in pursuant of Section 40(1) of the Criminal Procedure Code ('CPC'). This averment is incorrect or inaccurate and misconceived.

(25) The above averment is obviously intended to fulfil the second ingredient which is totally inconsonant with the offence under Section 186. The second ingredient relates to a discharge of public function by a public servant. A public function is not defined in the Penal Code. According to the Federal Court case of *Sulaiman Bin Takrib v. Kerajaan Negeri Terengganu (Kerajaan Malaysia, intervener) and other applications* [2009] 6 MLJ 354, Abdul Hamid Mohamad CJ in his farewell judgment said at pg 370:

> Section 186 makes it an offence for anybody to voluntarily obstruct a public servant in the discharge of his public functions. What is a 'public function' is not defined. First, it is up to the officer to decide whether, in his view', what he was doing was a public function or not. In the final analysis, it is for the court to decide.

(26) In the upshot, the second ingredient which is described in the charge in this case is inaccurately and imprecisely stated. In *Datuk Tiah Thee Kian v. Public Prosecutor and another appeal* [2002] 1 MLJ 585, Mohd Hishamudin J said at p 599 as follows:

> The accused in a criminal trial should have sufficient notice of what is alleged against him so as to enable him to prepare his defence. So long as that requirement is satisfied. The principle of justice was in fact emphasized by Hepworth J in *Public Prosecutor v. Teoh Choon Teck* [1963] MLJ 34 at p 34 where he said:
>
> > If there be any one principle of criminal law and justice clearer and more obvious than all others, it is that the offence imputed must be positively and precisely stated, so that the accused may certainly know with what he is charged, and be prepared to answer the charge as best he may.

(28) Having regard to the above discussion, since the term 'voluntarily' together with the phrase or expression 'in the discharge of his public functions' which are both essential ingredients of the offence were omitted from the charge, the charge is therefore fundamentally defective and the defect is not curable under Section 422 of the Criminal Procedure Code. In *Public Prosecutor v. Mohd Azam Bin Basiron & Anor* [2011] 3 MLJ 741; [2010] 9 CLJ 1, in discussing the charge, Suriyadi Halim Omar JCA (as he then was) said, *inter alia*:

> For a *prima facie* case to be established successfully, in order for the defence to be called, the prosecution must prove the main ingredients of the charge.

(29) On this ground alone, the charge herein against the respondent must be dismissed.

[17] Menyingkap pada prinsip undang-undang yang telah diputuskan di dalam kes *PP v. Mohamad Sabu* (*supra*) di atas maka ianya bolehlah dirumuskan seperti di bawah berikut:

(i) Pertuduhan yang tidak mencerminkan kedua dua '*actus reus*' serta '*mens rea*' adalah cacat atau tidak lengkap dan ianya boleh menyebabkan kekeliruan pemahaman peruntukan s. 307 Kanun Keseksaan kerana tidak menzahirkan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang.

Jadi dalam keadaan sedemikian tiada sesiapa boleh dikenakan pertuduhan iaitu sejajar dengan kehendak peruntukan per. 7(1) Perlembagaan Persekutuan yang dipetik seperti di bawah berikut:

> Tiada seorangpun boleh dihukum kerana sesuatu perbuatan atau peninggalan yang tidak boleh dihukum menurut undang-undang pada masa perbuatan atau peninggalan itu dilakukan atau dibuat, dan tiada seorangpun boleh menanggung hukuman yang lebih berat kerana sesuatu kesalahan daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan itu dilakukan;

(ii) Akibat daripada pertuduhan yang tidak lengkap tersebut juga maka perayu pasti keliru tidak tahu apa kesalahan yang telah dilakukannya dan dalam keadaan sedemikian perayu telah diprejudiskan dalam penyediaan pembelaan dirinya terhadap dakwaan sepertimana dalam pertuduhan.

Pertuduhan di bawah s. 307 Kanun Keseksaan tersebut sepatutnya berbunyi begini "perlakuan memandu oleh perayu itu dibuat dengan niat akan menyebabkan kematian ke atas Konstabel 153107" dan bukannya kesalahan memandu itu memungkinkan kematian kerana itu adalah kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan.

Dalam keadaan kekeliruan tersebutlah membuatkan perayu keraguan sama ada kesalahan memandu dalam keadaan berbahaya dan juga kesalahan cubaan membunuh dirangkumkan sekali dalam satu pertuduhan.

Harus diingat fakta untuk membuktikan kesalahan memandu adalah amat berbeza dengan kesalahan cubaan membunuh. '*Mens rea*' bagi pertuduhan kesalahan memandu ialah sama ada "recklessness" ataupun "negligence" tetapi bagi pertuduhan kesalahan cubaan membunuh pula ianya ialah 'intention' ataupun 'knowledge'. Oleh itu pertuduhan terhadap perayu ini adalah jelas bertindih ('duplicitous') dan ianya salah dan tidak tepat kerana bercanggah dengan peruntukan s. 163 Kanun Tatacara Jenayah sepertimana dipetik di bawah berikut:

> For every distinct offence of which any person is accused there shall be a separate charge, and every such charge shall be tried separately, except in the cases mentioned in Sections 164, 165, 166 and 170.

Di dalam kes *Jagar Singh v. PP* [1936] 1 LNS 25; [1936] FMSLR 84 di ms. 88 Howes J memutuskan seperti berikut:

> that duplicity is an illegality in view of contra-vention of an express provision, namely, section 163 Criminal Procedure Code.

(iii) Keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan untuk membuktikan '*mens rea*' tidak boleh menggantikan kepincangan dalam pertuduhan yang gagal memasukkan elemen '*mens rea*'. Sekiranya amalan tersebut dibenarkan ianya akan terjumlah kepada amalan perbicaraan tanpa pertuduhan di mana perayu di sini dikehendaki meramal dan menunggu dengan menduga apakah dakwaan yang akan dikenakan kelak. Ini amat memprejudiskan perayu kerana tidak bersedia membuat pembelaan secukupnya. Dalam kes *R v. Wheatman* [1780] 1 Doug 345 telah pun diputuskan bahawa pertuduhan tidak akan menjadi baik di mana keterangan keseluruhan disandarkan untuk memuaskan ketinggalan elemen di dalamnya.

Oleh itu berdasarkan kepada keterangan secara total maka mahkamah ini merumuskan bahawa pertuduhan tersebut amat cacat dan mengelirukan disebabkan oleh kepincangan berikut:

(a) Peninggalan (omission) menyatakan elemen '*mens rea*' dalam pertuduhan.

(b) Kesilapan (error) merangkumkan dua pertuduhan berbeza iaitu memandu dalam keadaan berbahaya dan juga kesalahan cubaan membunuh dalam satu pertuduhan menjadikannya bertindih ('duplicitous') bercanggah dengan peruntukan s. 163 Kanun Tatacara Jenayah.

(c) Kekaburan ('vagueness') berbangkit daripada ketidakseragaman dengan pengataan dalam s. 307 Kanun Keseksaan menyebabkan kekeliruan kepada perayu apa kesalahan sebenar dilakukannya.

Disebabkan kesemua kepincangan yang diperjelaskan di atas tersebut maka perayu di dalam kes ini telah dikelirukan (mislead) dan juga diprejudiskan menyebabkan timbulnya ketidakadilan ('miscarriage of justice') yang mana ss. 156 dan 422 Kanun Tatacara Jenayah tidak dapat membantu untuk memperbetulkan pertuduhan yang telah pun menyalahi undang-undang (illegality of the charge). Isu yang sama telah pun diputuskan di dalam kes *Shawal Hj Mohd Yassin v. PP* [2006] 6 CLJ 392; [2006] 4 MLJ 334 seperti di bawah berikut:

> The appellant was charged pursuant to section 56(1A)(b) of the Immigration Act 1959/63 (the said Act) and punishable under Section 57 of the said Act for intentionally assisting an Indonesian citizen named Ali Mukhtar to board an aircraft bound for Surabaya, Indonesia without the said Ali Mukhtar going through immigration checking. Ali Mukhtar had earlier pleaded guilty to Section 30(2) and Section 15(4) of the said Act. At the conclusion of the trial, the learned Magistrates found that the prosecution had proved its case beyond a reasonable doubt against the appellant. In the event, the learned Magistrate found the appellant guilty as charged. He was convicted and sentenced to two years imprisonment. Against that conviction and sentence he has now appealed. The primary issue which arises for determination in this appeal revolves around the question whether the charge was framed against the appellant was defective.

The question that arised is whether what the appellant was alleged to have done falls within the scope and ambit of Section 56(1A)(b) of the said Act. The learned Deputy Public Prosecutor also fairly and frankly admitted that the charge against Ali Mukhtar was defective. The learned Deputy Public Prosecutor invited the court to uphold the conviction notwithstanding the defect in the charge. He argued that the defect was not fatal and did not amount to a failure of justice, referring to Section 156 and Section 422 of the Criminal Procedure Code (CPC).

Held allowing the appeal:

(a) In the charge framed against the appellant there is no indication of the offence under the Act alleged to have been committed by Ali Mukhtar. Ali Mukhtar's conviction in respect of an offence under Section 30(2) of the said Act was wrong in law. What then is the effect? The consequence is that, so far as the present case is concerned, the appellant had been charged and tried under defective charge, as the charge framed did not disclose any offence under Section 56(1A)(b) of the said Act. The charge framed, and as it now stands, is one that is not in fact envisaged by that Section (see para 9).

(b) Section 156 of the CPC has application only in a situation where there is an error either in stating the offence or the particulars required to be stated in the charge or there is an omission to state the offence or those particulars. In other words that section provides for a cure should there be any non-compliance with the technical provisions of the law. That provision cannot be invoked in the case at hand in a situation where the charge was defective as disclosing no offence under the section of the Act. In the same way, the application of Section 422 of the CPC is constrained to remedy no more than technical defects in the charge. Where a trial in the court below is conducted on the basis of a charge, which is defective as not disclosing an offence under the relevant section, it is an illegality which cannot be cured by Section 422 (see para 12).

(c) The defect in the charge was a matter of substance and not merely of form. This was not a mere technical non-compliance of any provision of the law, which can be condoned as an irregularity. The appellant was left

in a doubt as to the offence of which he had been convicted and sentenced. It is a fundamental principle of criminal law in our country that an accused person should know accurately of what offence he has been convicted and sentenced. The error in the charge did cause prejudice and injustice to the appellant (see para 13).

Keputusan

[18] Setelah dikaji, diteliti dan dihalusi semula keseluruhan keterangan yang ada secara maksima baik di peringkat pendakwaan dan begitu juga di peringkat pembelaan maka mahkamah ini mendapati Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta yang telah mengakibatkan suatu "miscarriage of justice" terhadap perayu.

[19] Dengan itu diputuskan rayuan dalam kes ini dibenarkan dan sabitan serta hukuman di bawah s. 307 Kanun Keseksaan diketepikan. Perayu dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan pindaan pertama.